

SEJARAH  
PERKEMBANGAN PAS BAHAGIAN BACHOK DARI  
TAHUN 1959 HINGGA 1969  
(Tambahan Kajian Di Kampong Perupok)

LATIHAN ILMIAH

OLEH:

HAMZAH BIN MAT DAUD

UNTUK MEMENUHI


SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT IJAZAH  
SARJANA MUDA SASPERA DENGAN KEPUJIAN.

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1982/1983



PRAKATA:

Kesyukuran yang tidak terhingga, penulis lafazkan kehadiran Allah, kerana dengan taufik dan hidayahNya dapat juga akhirnya penulis menyempurnakan kajian ini yang merupakan latihan ilmiah yang di adukan kepada Bahagian Sejarah Universiti Sains Malaysia pada tahun 1983 sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera (keujian) dalam Bidang Sejarah.

Penulis juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Lim Teck Ghee yang bertanggung jawab sebagai pembimbing utama dalam penulis menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga penulis tujukan kepada sesiapa sahaja yang telah sudi melayani penulis semasa kajian ini dibuat.

Bidak ketinggalan, terima kasih yang teristimewa penulis abadikan untuk Na kerana kesediaannya meredakan pahit maung selama penulisan ini dilakukan.

Hamzah Bin Mat Daud  
Pusat Pengajian Ilmu  
Kemanusiaan,

Universiti Sains  
Malaysia.

8 Februari 1983.

KEPENDEKKAN:

- PAS - Parti Islam SeMalaysia
- UMNO - United Malay National Organisation.
- MCA - Malayan Chinese Association.
- MIC - Malayan Indian Congress.

PENDAHULUAN:

Sejarah Perkembangan PAS Bahagian Bachok yang bermula pada tahun 1957 hingga 1969, diambil kira oleh penulis sebagai satu jarak masa yang penting di dalam pergerakan PAS di Bahagian ini, memandangkan PAS, di bahagian Bachok adalah teristimewa dan paling kuat dari segi pengaruh dan kesannya kepada perkembangan politik di seluruh Kelantan dan Tanah Air.

Dalam jangka masa tersebut hinggalah ke tahun 1982, Bachok adalah tidak pernah dapat dikuasai oleh parti pemerintah. Kedaan ini wujud disebabkan keistimewaan dan juga faktor-faktor sosio-ekonomi yang berbeza dengan lain-lain kawasan telah mempengaruhi tindakan penduduk <sup>untuk</sup> menyokong dan bersimpati dengan perjuangan PAS.

Pengandingan tokoh-tokoh PAS diperingkat pusat dan kawasan, juga adalah paling menarik dalam bahagian ini yang telah membantu PAS membentuk satu sejarah, yakni Bachok dapat di pertahankan olehnya walaupun kawasan-kawasan lain sering bertukar di antara UMNO dan PAS dari segi pimpinan di dewan undangan negeri ataupun juga di parlimen.

## V.

Bachok terletak di utara negeri Kelantan dan bersempadan dengan Jajahan Kota Bharu ke~~utara~~nya dan keselatannya bersempadan dengan jajahan Pasir Putih. Jajahan Bachok terdiri dari beberapa Daerah atau mukim. Mukim-mukim tersebut terdiri dari;

- 1) Mukim Perupok
- 2) Mukim Tawang
- 3) Mukim Mentuan
- 4) Tanjung Pauh
- 5) Gunung Timur
- 6) Gunung Barat
- 7) Repak

Penulis telah memilih mukim Perupok sebagai tempat tumpuan kajian, memandangkan, (di mukim ini adalah terletak berhampiran dengan Bandar Bachok dan paling ramai atau padat bilangan penduduknya berbanding dengan lain-lain kawasan dalam jajahan Bachok.

Kajian penulis adalah banyak bergantung kepada buku-buku dan juga sumber-sumber lisan juga pertim-  
bangan serta penilaian yang terpaksa penulis lakukan dalam menerima satu-satu keterangan dari sumber lisan  
tersebut.

Dalam menyiapkan kajian ini banyak masalah yang telah penulis hadapi. Terutama sekali tentang kebenaran bukti yang di tulis kerana tidak ada rekod-rekod yang telah di simpan oleh pejabat PAS di negeri Kelantan mengenai sejarah awal penubuhannya. Walau bagaimanapun, masalah ini penulis cuba sedaya upaya

etasi dengan mencari tokoh-tokoh yang terlibat dengan tajuk kajian penulis. Kemudian dari keterangan itu akan penulis mencari bukti melalui buku-buku dan juga rekod-rekod yang berkaitan dengan kajian penulis. Kemudian baharulah penulis akan membuat satu rumusan berpandukan kepada teknik-teknik penulisan sejarah.

Dalam kajian ini, penulis membahagikan *kajiannya* kepada tiga Bab ~~semuanya~~.

Bab pertama; Penulis, cuba menerangkan tentang sejarah penubuhan PAS cawangan Bachok berserta dengan beberapa pemimpin yang terpenting yang telah berusaha dengan gigih bagi menghidupkan perjuangan yang berlandaskan kepada perjuangan Islam. Juga di sentuh keadaan masyarakat pada waktu itu serta sambutan yang di terima oleh pertubuhan parti PAS dan juga lain-lain parti terutamanya UMNO.

Bab kedua;

Penulis mendedahkan perjuangan PAS sejak dari tahun 1959 hingga ke tahun 1969, di Bachok adalah tetap tidak banyak mengalami perubahan, samaada dari segi matlamat, tujuan dan pendekatan yang dijalankan oleh para pemimpin PAS. Kedua yang agak statis ini adalah merupakan beberapa faktor yang telah menyebabkan UMNO dapat mempengaruhi jalan fikiran masyarakat dengan menyogok kebendaan atau dengan kata lain menitik beratkan hal-hal pembangunan, yang telah di

abaikan oleh para pemimpin PAS.

Bab ketiga;

Penulis mendedahkan bahawa akibat daripada perbezaan parti politik telah membawa kepada perpecahan yang berlaku dalam masyarakat. Iaitu pertentangan di antara PAS dengan UMNO semakin sengit dari setahun ke setahun. Dimana keadaan ini adalah merugikan kepada perjuangan orang-orang Melayu keseluruhannya.

Semoga segala kesilapan yang tak disengajakan dapat diperbetulkan oleh semua.

Penulis.